



---

**A. DEPOSIT**

**Produk Akaun Semasa**

**Soalan 1:**

Bolehkah produk akaun semasa ditawarkan berdasarkan konsep *mudharabah*?

**Jawapan:**

Akaun semasa boleh ditawarkan berdasarkan konsep *mudharabah*. Dalam hal ini, pelanggan berhak menikmati sebahagian daripada keuntungan yang diperoleh (sekiranya ada) berdasarkan nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui semasa akaun dibuka. Di samping itu, pelanggan juga boleh menikmati kemudahan-kemudahan tambahan yang ditawarkan oleh pihak institusi kewangan Islam seperti skim perlindungan takaful dan kemudahan lain yang ditawarkan dari semasa ke semasa.

**Soalan 2:**

Bolehkah institusi kewangan Islam menawarkan produk akaun semasa yang menggabungkan konsep *wadiah* dan *mudharabah*?

**Jawapan:**

Akaun semasa boleh ditawarkan melalui gabungan konsep *wadiah* dan *mudharabah*. Di bawah konsep ini, bank akan memegang dua peranan iaitu sebagai pemegang amanah dan pengusaha manakala pelanggan bertindak sebagai penyimpan dan pelabur. Walau bagaimanapun, kedua-dua konsep ini tidak boleh berjalan secara serentak dalam sesuatu masa. Penggabungan ini hanya boleh dilakukan dengan menentukan had purata baki simpanan



dan layak mendapat keuntungan (sekiranya ada). Manakala sebaliknya jika baki purata harian dalam bulan tersebut kurang daripada RM3,000, ia dianggap sebagai simpanan *wadiah*. Segala syarat dan peraturan mengenai konsep *wadiah* dan *mudharabah* adalah terpakai mengikut keadaan kes dan mestilah dipersetujui semasa *aqad* dilakukan.

### **Produk Akaun Deposit *Mudharabah***

#### **Soalan 3:**

Bolehkah kos penyelenggaraan dikenakan ke atas akaun deposit *mudharabah*?

#### **Jawapan:**

Institusi kewangan Islam tidak boleh mengenakan sebarang caj kos penyelenggaraan ke atas akaun deposit *mudharabah* kerana ianya bercanggah dengan prinsip *mudharabah*. Sekiranya pihak institusi kewangan Islam memerlukan amaun tambahan bagi menampung kos penyelenggaraan, ia sepatutnya diambilkira dalam penentuan nisbah perkongsian untung yang dimeterai antara kedua belah pihak.

### **Rizab Penyamaan Keuntungan**

#### **Soalan 4:**

Bolehkah institusi kewangan Islam memperkenalkan kaedah rizab penyamaan keuntungan (RPK) dalam operasinya bagi menstabilkan kadar keuntungan dalam jangka panjang?

#### **Jawapan:**



Institusi kewangan Islam boleh menggunakan kaedah RPK dalam operasinya kerana ianya bertujuan untuk mengukuhkan lagi sistem perbankan Islam. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kaedah RPK mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:-

- (i) Kadar RPK yang diperuntukkan mestilah munasabah dan dipersetujui oleh BNM;
- (ii) Peruntukan ini akan dikongsi bersama oleh kedua pihak iaitu pendeposit dan institusi kewangan apabila diperlukan.

Walaupun kaedah ini boleh mengurangkan perolehan pelabur semasa keuntungan yang tinggi dicatatkan, namun secara keseluruhannya ia boleh membantu menstabilkan kadar pulangan dalam jangka panjang dan memberi pulangan yang wajar kepada pelabur semasa pendapatan keseluruhan yang rendah. Di samping itu, kaedah ini dianggap adil kerana kedua-dua pihak iaitu institusi kewangan dan pelabur berkongsi dari segi sumbangan dan penerimaan RPK.

### **Sumber Dana Diragui**

#### **Soalan 5:**

Sekiranya pihak institusi kewangan Islam mempunyai maklumat atau mengetahui bahawa dana yang dipindahkan melalui pindahan telegrafik adalah berpunca daripada operasi syarikat yang bercanggah dengan *Syariah*, bolehkah pihak institusi kewangan Islam mengkreditkan dana tersebut ke dalam akaun-akaun perbankan Islam?

#### **Jawapan:**



**Soalan 6:**

Adakah pembukaan akaun-akaun secara Islam (misalnya *wadiah* dan *mudharabah*) dibenarkan sekiranya pihak institusi kewangan Islam mengetahui bahawa pelanggan tersebut berkecimpung di dalam aktiviti-aktiviti seperti berikut:-

- a) Kuil, gereja dan pertubuhan agama bukan Islam; dan
- ii) Perjudian, arak dan seumpamanya.

**Jawapan:**

- i) Permohonan daripada kuil, gereja dan pertubuhan agama yang lain untuk membuka akaun secara Islam adalah dibenarkan atas dasar Islam mengakui kebebasan beragama kepada semua manusia.
- ii) Permohonan untuk membuka akaun secara Islam daripada syarikat-syarikat, badan-badan atau individu yang berkecimpung dengan aktiviti yang jelas bercanggah dengan Islam seperti perjudian, arak dan sebagainya mestilah ditolak secara baik oleh institusi-institusi kewangan Islam.

**Soalan 7:**

Bolehkah institusi kewangan Islam menerima permintaan pelanggan untuk menandatangani cek yang dikeluarkan oleh syarikat perjudian yang menyatakan dengan jelas “menang empat nombor ekor” ke dalam akaun pelanggan?

**Jawapan:**

Institusi kewangan Islam tidak boleh menerima permintaan pelanggan untuk



---

**Jawapan:**

Institusi kewangan Islam boleh memindahkan wang daripada akaun SPI ke dalam akaun perumahan konvensional kerana:-

- a) Wang tersebut adalah kepunyaan pelanggan dan institusi kewangan Islam tidak berhak menghalang kehendak pelanggan berbuat demikian; dan
- b) Pemindahan wang tersebut dibuat kerana melunaskan hutang perumahan (walaupun hutang tersebut berbentuk konvensional).

Walau bagaimanapun, pemindahan wang daripada akaun perumahan konvensional ke dalam akaun SPI dibolehkan sekiranya melibatkan nilai pokok sahaja. Sebarang elemen faedah/riba daripada akaun konvensional tidak boleh dipindahkan ke dalam akaun SPI.

**Soalan 9:**

Bolehkah faedah daripada simpanan tetap dipindahkan ke dalam akaun SPI?

**Jawapan:**

Sebarang pemindahan faedah/riba daripada mana-mana akaun konvensional (tidak terhad kepada simpanan tetap sahaja) ke dalam akaun SPI adalah dilarang sama sekali.

**Soalan 10:**

Bolehkah overdraf secara konvensional digunakan untuk menampung kekurangan dalam akaun semasa *wadiah*?

**Jawapan:**



---

**Soalan 11:**

Bolehkah institusi perbankan Islam menerima pemindahan dana daripada akaun perbankan konvensional ke dalam akaun perbankan Islam yang dibuat oleh pelanggan secara automatik sama ada menerusi perbankan internet, mesin ATM dan sebagainya dengan sangkaan yang baik bahawa dana tersebut adalah halal dan tidak bercanggah dengan Syariah?

**Jawapan:**

Institusi perbankan Islam boleh menerima pemindahan dana daripada akaun konvensional ke dalam akaun perbankan Islam yang dibuat secara automatik berdasarkan alasan berikut:-

- i) Pemindahan dana berkenaan dilakukan atas pilihan dan keputusan pelanggan dan sepatutnya pelanggan bertanggungjawab sekiranya ia memindahkan wang riba/faedah ke dalam akaun perbankan Islam;
- ii) Kesukaran untuk menentukan jumlah faedah/riba (sekiranya ada) yang terlibat dalam pemindahan tersebut;
- iii) Islam menggalakkan umatnya berbaik sangka sesama manusia kecuali terdapat bukti jelas mengenai kesalahan seseorang;
- iv) Pemeriksaan secara teliti dan mendalam mengenai sumber kewangan setiap pelanggan secara individu (kecuali dalam kes-kes tertentu) adalah di luar bidang kuasa dan tugas institusi perbankan Islam. Tambahan pula ia melibatkan masa, tenaga dan kos yang tinggi di samping menimbulkan kesukaran kepada institusi perbankan Islam



---

## **Akaun Bersama**

### **Soalan 12:**

Kes akaun bersama yang mana salah seorang pemegang akaun meninggal dunia. Dalam Islam, sebarang pembahagian wang yang dimiliki oleh simati mestilah mengikut hukum *Faraidh*. Dalam hal ini, bolehkah institusi kewangan Islam membenarkan pemegang akaun yang masih hidup mengeluarkan wang tersebut berdasarkan kaedah seperti di bawah:-

- i) Bagi akaun yang membenarkan salah seorang pemegang akaun bersama untuk menandatangani – institusi kewangan Islam akan membenarkan pemegang akaun yang masih hidup untuk mengeluarkan baki akaun dan seterusnya menutup akaun tersebut.
  
- ii) Bagi akaun yang mesti ditandatangani oleh kesemua pemegang akaun – Institusi kewangan Islam akan membenarkan pemegang akaun yang masih hidup mengeluarkan baki akaun dengan meminta kesemua pemegang akaun menandatangani surat “*indemnity*” bank secara bersama (sekiranya lebih daripada seorang) dan seterusnya menutup akaun.

### **Jawapan:**

Institusi kewangan Islam boleh membenarkan pemegang akaun yang masih hidup mengeluarkan wang simpanan akaun bersama sekiranya salah seorang pemegang akaun meninggal dunia. Ini kerana institusi kewangan Islam adalah bertindak sebagai penjaga dana tersebut dan bukannya penguatkuasa undang-undang yang dapat menentukan pembahagian kepada



---

## **B. PEMBIAYAAN**

### **Cagaran Dalam Perbankan Islam**

#### **Soalan 13:**

Bolehkah satu harta yang sama dicagarkan kepada lebih daripada satu pembiayaan pada masa yang sama?

#### **Jawapan :**

Mencagarkan satu harta yang sama kepada lebih daripada satu kemudahan pembiayaan (hutang) adalah dibenarkan dengan syarat-syarat berikut:-

- (a) Mendapat keizinan daripada pemegang cagaran yang pertama;
- (b) Nilainya boleh menampung semua cagaran yang dibuat; dan
- (c) Tidak berlaku kemudaratan (*dharar*) terhadap mana-mana pihak.

Walau bagaimanapun, amalan menggabungkan pinjaman secara konvensional dan pembiayaan secara Islam yang dicagarkan ke atas harta yang sama adalah tidak digalakkan.

#### **Soalan 14:**

Bolehkah Sijil Pelaburan Am *Mudharabah* digunakan sebagai sekuriti untuk memohon pinjaman sama ada secara Islam atau konvensional?

#### **Jawapan:**

Sijil Pelaburan Am *Mudharabah* boleh digunakan sebagai sekuriti (cagaran) untuk memohon pembiayaan secara Islam kerana ia merupakan aset yang dimiliki oleh pelanggan. Walau bagaimanapun, amalan memohon pinjaman secara konvensional dengan menggunakan Sijil Pelaburan Am *Mudharabah*





---

pokok deposit tetap tersebut yang boleh diambilkira sebagai sekuriti, manakala jumlah faedah/riba diketepikan.

**Soalan 16:**

Bolehkah pihak institusi kewangan Islam menerima Sijil Akaun Pelaburan Am (GIA) sebagai cagaran bagi mendapatkan kemudahan overdraf secara Islam berasaskan konsep *BBA*? Urusniaga jual dan beli bagi menentukan konsep *BBA* tersebut dilakukan ke atas sijil GIA tersebut.

**Jawapan:**

Urusniaga jualbeli ke atas sijil GIA adalah dibolehkan kerana sijil GIA tersebut mewakili aset yang dipegang oleh pemiliknya dan tidak dikategorikan sebagai barangan ribawi.

**Soalan 17:**

Bolehkah sijil deposit tetap (konvensional) digunakan sebagai barangan aqad (seperti mana sijil pelaburan *mudharabah*) dalam urusan pembiayaan secara Islam seperti untuk mendapatkan kemudahan overdraf secara Islam?

**Jawapan:**

Sijil deposit tetap konvensional tidak boleh digunakan sebagai barangan aqad dalam urusan pembiayaan secara Islam memandangkan sijil tersebut diterbitkan berdasarkan kontrak yang melibatkan riba. Walau bagaimanapun, ianya masih dianggap harta pemegangnya dan boleh dibuat cagaran.



---

**Jawapan:**

Kontrak *AITAB* perlu mempunyai ciri-ciri berikut :-

- a) Modus operandi *AITAB* hendaklah mengandungi dua aqad yang berasingan iaitu *aqad* sewa (*Ijarah*) untuk sepanjang tempoh sewaan dan *aqad* jualbeli (*Bai'*) selepas tamat tempoh sewaan;
- b) Harga jualan selepas tamat tempoh sewaan sebaik-baiknya adalah jumlah amaun sewaan terakhir bagi *Ijarah*;
- c) Sebaik-baiknya institusi kewangan Islam hendaklah melantik pelanggan/penyewa sebagai ejen/wakil kepada institusi kewangan berkenaan sebelum urusan jual beli kenderaan dilaksanakan;
- d) Suratcara *AITAB* perlu memasukkan klausa “akan jual kenderaan tersebut” pada akhir tempoh sewaan dan klausa penebusan bagi penyewa yang membuat bayaran balik awal;
- e) Deposit yang dibayar oleh pelanggan kepada penjual kenderaan adalah dianggap sebagai bayaran pendahuluan yang perlu dibayar oleh pihak institusi kewangan Islam dan akan diambilkira dalam penentuan sewaan;
- f) Mengikut prinsip *Ijarah*, institusi kewangan Islam sebagai tuannya aset harus menanggung risiko yang munasabah;
- g) Institusi kewangan Islam perlu menggalakkan pelanggan *AITAB* menyertai skim takaful am dan keluarga dengan memasukkan pengendali takaful sebagai panel dalam senarai panel insurans mereka; dan
- h) Bagi kes-kes pembiayaan semula, penyewa perlu menamatkan



tersebut boleh diurusniagakan. Sebagai contoh, dalam kontrak *AITAB*, sekiranya penyewa tidak lagi berhasrat untuk meneruskan sewaan, ia boleh menjual haknya kepada orang lain untuk meneruskan sewaan dan seterusnya membeli aset tersebut daripada institusi kewangan. Tambahan pula, Seksyen 12 (*Assignment of Rights Under Hire-Purchase Agreement*), Akta Sewa Beli 1967 membenarkan pemindahan tanggungan di bawah Perjanjian Sewa Beli.

### **Klausu *ibra'***

#### **Soalan 20:**

Bolehkah klausu *ibra'* dimasukkan dalam perjanjian jual beli atau sewaan dalam perbankan Islam?

#### **Jawapan:**

Istilah *ibra'* (dulunya dikenali sebagai *muqassah*) merujuk kepada rebat yang diberikan oleh satu pihak secara sukarela atau berdasarkan budi bicara kepada pihak yang lain dalam sebarang urusan *muamalat* seperti jual beli dan sewaan. Kebiasaannya, pihak institusi kewangan Islam akan memberikan *ibra'* kepada pelanggan yang melunaskan hutang lebih awal daripada tempoh dalam perjanjian.

Institusi kewangan Islam atas budi bicaranya boleh memasukkan klausu *ibra'* dengan jelas dalam perjanjian. Bagaimanapun, *ibra'* tersebut tidak boleh dijadikan syarat kepada urusan niaga berkenaan yang mana sekiranya tanpa klausu *ibra'* ini, pelanggan tidak mahu meneruskan urusan niaga berkenaan. Sekiranya bank memasukkan klausu *ibra'* dalam perjanjian, maka bank akan



---

### **Yuran *Iltizam***

#### **Soalan 21:**

Bolehkah yuran *iltizam* (*commitment fee*) dikenakan ke atas baki yang tidak digunakan dalam kemudahan overdraf dan kredit pusingan secara Islam?

#### **Jawapan:**

Kemudahan overdraf dan kredit pusingan secara Islam biasanya dilaksanakan berasaskan konsep *Bai' Bithaman Ajil (BBA)* atau *murabahah*. Oleh itu, yuran *iltizam* tidak boleh dikenakan ke atas baki belum digunakan dalam kemudahan overdraf dan kredit pusingan secara Islam kerana ianya bercanggah dengan *aqad* jual beli yang dijalankan.

### **Hibah**

#### **Soalan 22:**

Bolehkah *hibah* diberi sebagai balasan kepada pelanggan yang membuat bayaran mengikut jadual tanpa sebarang kelewatan?

#### **Jawapan:**

*Hibah* adalah sesuatu yang dilakukan secara sukarela dan berdasarkan budibicara. Oleh itu, institusi kewangan Islam boleh memberikan *hibah* kepada pelanggan mereka yang membuat bayaran tepat pada waktunya tanpa sebarang kelewatan. Sekiranya *hibah* dinyatakan dengan jelas dalam perjanjian (dalam kes-kes yang dibenarkan), ia merupakan suatu janji yang mesti dipenuhi oleh pihak yang berjanji. Walau bagaimanapun, *hibah* tidak boleh disyaratkan atau dijanjikan dalam kontrak pinjaman (*qard*) dan *wadiah* kerana ia boleh membawa kepada elemen riba.



dengan suatu harga yang dipersetujui bersama. Harga bagi kedua-dua *aqad* adalah berbeza.

Antara ciri-ciri yang perlu ada dalam satu urusan niaga *Bai' Al-Inah* adalah seperti berikut:-

- (i) Pembiayaan *Bai' Al-Inah* perlu mempunyai dua kontrak yang jelas, iaitu kontrak penjualan harta oleh penjual/pemilik kepada pembeli dan kontrak penjualan semula harta tersebut kepada pemilik asal.
- (ii) Pembayaran harga dalam salah satu urusan niaga atau kontrak mestilah dilakukan secara tunai bagi mengelakkan penjualan/pembelian hutang dengan hutang.
- (iii) Barangan yang digunakan dalam urusan niaga jual dan beli balik bukan barangan ribawi;
- (iv) Kedua-dua urusan niaga ini mestilah melibatkan penyerahan hakmilik yang sah dari sudut *syara'* dan diterimapakai berdasarkan adat perniagaan semasa (*'uruf tijari*).
- (v) Pembiayaan *Bai' Al-Inah* yang dijalankan ini mestilah memenuhi syarat-syarat *Bai' Al-Inah* yang diterima oleh Mazhab Syafie.
- (vi) Penentuan harga dan harta yang terlibat dalam kontrak juga mestilah dengan sebenar dan berdasarkan harga yang munasabah atau berdasarkan pasaran.
- (vii) Kontrak pertama mestilah diselesaikan terlebih dahulu (ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak) sebelum memasuki kontrak yang kedua. Ini bertujuan mengelakkan isu penjualan harta yang belum dimiliki dalam kontrak kedua.



- 
- (a) Sudah ada duluan (*precedent*) bahawa gantirugi boleh dikenakan apabila berlaku kemudaratan (*dharar*) ke atas pihak yang mempunyai hak seperti dalam *istisna'* yang mana pembuat gagal menyerahkan barang yang ditempah;
  - (b) Keputusan yang dicapai dalam mesyuarat *Hai'ah Kibar Ulama' As-Saudiyyah* bahawa *Al-Syart Al-Jazaai* (syarat pembalasan) dalam perniagaan khususnya dalam kontrak *Istisna'* boleh dikenakan; dan
  - (c) Bagi menegakkan *Maqasid al-Syariah* dalam menjaga harta (*mal*) melalui perbankan Islam.

**Soalan 25:**

Apakah syarat-syarat bagi pengenaan gantirugi ke atas penerima biaya yang mungkir?

**Jawapan:**

Pengenaan gantirugi terhadap penerima biaya yang mungkir hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- (a) Gantirugi mestilah tidak melebihi kerugian sebenar yang ditanggung oleh pihak pemberi biaya;
- (b) Penentuan kadar gantirugi dibuat oleh pihak ketiga (dalam kes ini pihak ketiga adalah Bank Negara Malaysia yang mengawalselia sistem perbankan); dan
- (c) Kemungkiran atau kelewatan bayaran adalah disebabkan oleh kecuaiian pihak penerima biaya.



---

untuk dibahagikan semula di antara pendeposit dan institusi kewangan Islam mengikut nisbah keuntungan yang telah dipersetujui.

**Soalan 27:**

Bolehkah bank mengenakan bayaran ganti rugi terhadap pelanggan yang membuat penyelesaian awal terhadap pembiayaan secara Islam sama ada secara membuat pembiayaan semula daripada bank yang lain atau menggunakan dana sendiri?

**Jawapan:**

Bank tidak boleh mengenakan sebarang ganti rugi ke atas pelanggan yang membuat penyelesaian awal terhadap pembiayaan secara Islam. Ini kerana apabila pelanggan membayar lebih awal, bank boleh menggunakan dana tersebut untuk melabur atau memberikan pembiayaan kepada pelanggan yang lain dan isu kerugian tidak sepatutnya timbul. Majlis mencadangkan institusi kewangan Islam menggunakan kaedah *ibra'* bagi menangani isu pelanggan yang telah menikmati keistimewaan tertentu di awal tempoh pembiayaan.



---

## **C. LAIN-LAIN**

### **Cawangan Perbankan Islam**

#### **Soalan 28:**

Bolehkah cawangan perbankan Islam sepenuhnya menerima pembayaran balik pinjaman konvensional daripada pelanggan untuk dikreditkan ke cawangan konvensional di mana pelanggan mengambil pinjamannya dahulu?

#### **Jawapan:**

Cawangan Perbankan Islam boleh menerima pembayaran balik pinjaman konvensional daripada pelanggan untuk dikreditkan ke cawangan konvensional di mana pelanggan mengambil pinjamannya dahulu.

#### **Soalan 29:**

Bolehkah cawangan perbankan Islam sepenuhnya menerima deposit konvensional daripada pelanggan untuk dikreditkan ke cawangan konvensional di mana pelanggan membuka akaunnya dahulu?

#### **Jawapan:**

Cawangan Perbankan Islam boleh menerima deposit konvensional daripada pelanggan untuk dikreditkan ke cawangan konvensional di mana pelanggan membuka akaunnya dahulu.

#### **Soalan 30:**

Bolehkah cawangan perbankan Islam sepenuhnya menunaikan permohonan pelanggan untuk mengeluarkan wang dari akaun konvensionalnya melalui cawangan perbankan Islam dan kemudiannya mendebitkan akaun pelanggan





---

**Soalan 31:**

Bolehkah cawangan perbankan Islam bertindak sebagai ejen seperti pembelian insurans konvensional, tabung amanah konvensional dan menguruskan pinjaman sewa beli konvensional (jikalau institusi kewangan tersebut mempunyai anak syarikat kewangan berlesen) yang mana cawangan tersebut akan memperolehi komisen daripada perkhidmatan tersebut?

**Jawapan:**

Cawangan Perbankan Islam tidak boleh terlibat dalam aktiviti perbankan konvensional seumpama itu yang jelas bertentangan dengan *Syariah*.

**Peguam Bukan Islam Dan Peguam Wanita**

**Soalan 32:**

Bagaimanakah kedudukan peguambela dan peguamcara bukan Islam serta peguam wanita dalam *muamalat* Islam?

**Jawapan:**

Terdapat beberapa kekeliruan di kalangan masyarakat berhubung keterlibatan peguambela dan peguamcara bukan Islam dalam urusan pembiayaan kewangan Islam. Ada yang berpendapat bahawa peguambela dan peguamcara bukan Islam tidak dibenarkan untuk membuat draf suratcara perundangan, menjadi saksi, mendakwa dan sebagainya. Di samping itu, terdapat persoalan sama ada seorang peguam wanita boleh menandatangani dokumen perundangan atau bertindak sebagai seorang saksi.



---

Walau bagaimanapun, kaedah penyaksian terbaik adalah sepertimana dinyatakan dalam ayat berkenaan.

### **Kaedah Pengiktirafan Pendapatan**

#### **Soalan 33:**

Apakah kaedah pengiktirafan pendapatan yang boleh digunakan oleh institusi kewangan Islam?

#### **Jawapan:**

Terdapat dua kaedah pengiktirafan pendapatan yang dilaksanakan iaitu kaedah tunai dan terakru. Amalan perakaunan antarabangsa secara konvensional telah menyelaraskan kepada kaedah terakru sahaja. Dari segi *syariah*, kedua-dua kaedah iaitu tunai dan terakru boleh digunakan oleh institusi kewangan Islam dalam proses pengiktirafan pendapatan. Kaedah pengiktirafan pendapatan secara tunai dianggap kaedah yang paling tepat terutamanya dalam penentuan keuntungan pelaburan *mudharabah*. Walau bagaimanapun, memandangkan perubahan suasana perniagaan yang lebih meluas dan pelbagai, kaedah tunai adalah tidak begitu praktikal dan kurang efisien serta tidak selari dengan suasana perniagaan semasa. Kaedah terakru dibolehkan atas asas bahawa urusan perniagaan yang dijalankan oleh institusi kewangan Islam adalah secara berterusan dan tidak terhenti apabila sesuatu projek/urusan itu selesai.

### **Insurans Konvensional**

#### **Soalan 34:**

**Soalan 35:**

Kebanyakan institusi kewangan Islam menerima insurans konvensional untuk melindungi amaun pembiayaan *BBA*. Sekiranya penerima biaya meninggal dunia dan bayaran wang tuntutan akan dibayar oleh syarikat insurans konvensional, bolehkah institusi kewangan Islam menerima wang yang dituntut tersebut memandangkan ianya terhasil daripada sumber yang *gharar*?

**Jawapan:**

Institusi kewangan Islam boleh menerima wang yang dituntut tersebut kerana wang tersebut adalah menjadi hak institusi kewangan Islam untuk menerimanya. Persoalan sama ada wang tersebut datangnya daripada sumber yang *gharar* bukanlah menjadi tanggungjawab institusi kewangan Islam kerana ianya adalah tanggungjawab pelanggan. Isu ini bolehlah disamakan dengan konsep jaminan yang diberikan oleh seorang bukan Islam kepada seorang Islam yang mana konsep ini diakui *syara'*. Walau bagaimanapun, perkara-perkara berikut adalah disarankan:

- i) Sekiranya pelanggan adalah seorang Islam, pihak institusi kewangan Islam seboleh-bolehnya berusaha agar pelanggan tersebut mendapatkan perlindungan takaful.
- ii) Sekiranya pelanggan adalah seorang bukan Islam, institusi kewangan Islam boleh menasihatinya agar mendapatkan perlindungan takaful.



---

pembiayaan secara Islam bagi membeli skim unit amanah yang berlandaskan *Syariah*.

### **Urusniaga Wang Peringatan**

#### **Soalan 37:**

Apakah pandangan *Syariah* mengenai urus niaga wang peringatan?

#### **Jawapan:**

Dari segi *Syariah*, urus niaga wang peringatan yang dikeluarkan sama ada wang peringatan syiling, wang berpolimer atau wang kertas bercantum yang dijual dengan harga yang tidak sama dengan nilai muka wang peringatan berkenaan adalah tidak dibenarkan. Ini adalah disebabkan matawang merupakan salah satu daripada barangan ribawi. Sebarang pertukaran antara barangan ribawi yang sama jenis mestilah berdasarkan nilai yang sama. Ini bermakna institusi kewangan Islam seperti bank-bank Islam dan cawangan-cawangannya, cawangan-cawangan SPI dan kaunter SPI tidak boleh menjual wang peringatan dengan harga yang berbeza daripada nilai muka wang peringatan tersebut. Walau bagaimanapun, wang peringatan yang harga jualannya menyamai nilai muka boleh diurusniagakan.

### **Urusniaga Hadapan Sekuriti**

#### **Soalan 38:**

Apakah pandangan Majlis mengenai urusniaga hadapan sekuriti (*when issue* atau *W.I.*) dalam pasaran sekuriti hutang secara Islam?



---

kebiasaannya kerana kod stok bagi sekuriti tersebut telah diwujudkan dalam sistem dan dimaklumkan kepada para peserta pasaran.

### **Bermuamalat Dengan Penerima Sumber Pendapatan Haram**

#### **Soalan 39:**

Bolehkah bank memberikan pembiayaan secara Islam (contohnya pembiayaan pembelian rumah) kepada pelanggan yang mana pihak bank telah mengetahui bahawa pendapatan pelanggan adalah daripada sumber yang haram?

#### **Jawapan:**

Isu ini adalah mengenai hukum bermuamalat dengan seseorang yang mana sumber pendapatannya adalah haram. Sekiranya keseluruhan pendapatan pelanggan (100%) diyakini haram, maka tidak boleh bermuamalat dengannya. Walau bagaimanapun, sekiranya pelanggan mempunyai sumber pendapatan yang bercampur antara yang halal dan haram dan tidak dapat ditentukan *'ainnya*, hukum bermuamalat dengannya adalah makruh.